

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN YAMANI HAFEZ B. MUSA [SIPITANG]

TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [SIPITANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah ada cadangan untuk mewujudkan pondok polis di Meligan/Long Pasia, Sipitang sebagai persiapan negara kita menghadapi cabaran isu keselamatan, apabila Kalimantan dijadikan sebagai ibu kota baharu Indonesia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini, pihak PDRM masih belum bercadang untuk mewujudkan Pondok Polis di Kampung Long Pasia memandangkan ia terletak terlalu jauh dari Ibu Pejabat Polis Sipitang iaitu sejauh 120 kilometer. Selain itu, kampung ini juga mempunyai bilangan penduduk yang terlalu sedikit dengan anggaran seramai 850 orang. Pada masa ini, Kampung Long Pasia mempunyai satu (1) Pos Kawalan Tentera bagi menjaga sempadan, berikutan kedudukannya yang bersempadanan dengan Kalimantan Utara, Indonesia. Susulan dengan cadangan Kerajaan Indonesia ingin menjadikan Kalimantan sebagai Ibu Negara Indonesia yang baharu, PDRM telah menempatkan anggota polis secara bergilir-gilir bagi tujuan rondaan dan pemantauan di Kampung Long Pasia. Selain itu, PDRM juga menyediakan Pondok Polis sementara sehinggalah IPD Sipitang mendapat lokasi yang sesuai untuk dijadikan sebagai pondok polis kekal.